

Jauhi sifat golongan tamak dan pencetus kerosakan di muka bumi

Oleh Nur Syahidah Abdul Jalil
bhagama@bh.com.my



Felo Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

Krisis tenaga hari ini akibat konflik di Asia Barat memperlihatkan kemampuan manusia menjadi makhluk bersifat perosak dan memusnahkan. Situasi ini menjadi realiti menatutkan antara kelumpuhan ekonomi sesebuah negara dengan keruntuhan nilai kemanusiaan.

Firman Allah SWT: *“Telah terlihat kerosakan di darat dan di laut disebabkan oleh perbuatan tangan manusia, Allah mahu mereka merasakannya sebahagian daripada (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar).”* (Al-Rum: 41)

Golongan perosak ini dikenali sebagai mufsidun yakni mereka yang melakukan kerosakan di muka bumi tetapi berselindung di sebalik retorik keamanan dan pembebasan. Dalam al-Quran, Allah SWT menjelaskan golongan mufsidun ini dalam ayat 11-12 Surah al-Baqarah mengenai bagaimana mereka membuat kerosakan namun menganggap diri adalah orang melakukan kebaikan.

Didorong kecintaan melampau terhadap kuasa dan harta dunia (hubb al-dunya), golongan mufsidun sanggup melampaui batas sehingga nyawa manusia diperlakukan seolah-olah tiada nilai.

Keadaan ini bukan sahaja menzahirkan kezaliman, bahkan menggambarkan hati yang mati rasa kemanusiaan dan rahmah yang menjadi asas kejadian manusia.

Bukan sekadar nyawa insan tidak berdosa menjadi korban di tengah-tengah ketamakan manusia, konflik ini menyebabkan kejutan dan kelumpuhan ekonomi ke seantero dunia.

Kesan sekatan pengeluaran minyak mentah dan kemusnahan fasiliti pengeluaran minyak menyebabkan berlaku defisit minyak mentah, sekali gus menyebabkan kenaikan kos bagi bahan api seperti petrol dan diesel yang mendorong kenaikan kos pengangkutan memandangkan hampir semua kegiatan logistik bergantung kepada bahan api.

Akibatnya, kos pengeluaran dalam pelbagai sektor mengalami kesan peningkatan. Bagi perniagaan terkesan, mereka mula memindahkan kos tambahan ini kepada pengguna melalui kenaikan harga barangan dan perkhidmatan demi kelangsungan.

Keadaan ini mencetuskan fenomena inflasi berasaskan kos. Kuasa membeli isi rumah semakin mengecil dan memberi kesan lebih besar kepada isi rumah yang berpendapatan rendah.

Ketika ini, langkah menangani krisis tenaga lebih kepada menahan atau menanggung kejutan sebenar. Sebagai contoh, pendekatan mengawal harga dan menambah subsidi tenaga yang turut dilaksanakan Malaysia dan Indonesia.

Begitu juga menggunakan rizab minyak kecemasan sebagai penaman bagi menambah bekalan minyak global. Negara Agensi Tenaga Antarabangsa (IEA) misalnya bersetuju untuk melepaskan 400 juta tong minyak daripada rizab kecemasan yang juga pengeluaran stok terbesar dalam sejarah agensi berkenaan.

Namun, pendekatan ini bersifat jangka pendek. Sekiranya konflik di Asia Barat berlanjutan, negara yang menambah subsidi akan menanggung beban fiskal yang tinggi, manakala rizab kecemasan semakin mengurang di samping kos pembelian semula minyak tinggi untuk memenuhi rizab selepas tamat krisis.

Lebih daripada sekadar ancaman kelumpuhan kegiatan ekonomi, krisis tenaga dalam jangka masa

panjang boleh memberi kesan kepada kesejahteraan sosial. Tekanan kewangan diakibatkan daripada penutupan perniagaan, kehilangan pekerjaan dan kuasa membeli semakin lemah secara berpanjangan boleh menjejaskan kesihatan mental, hubungan kekeluargaan dan kestabilan masyarakat.

Ini berlaku apabila keperluan asas menjadi semakin sukar dipenuhi dan fokus kehidupan bukan lagi mengenai pembangunan diri, sebaliknya beralih kepada kelangsungan hidup.

Bukan sahaja golongan berpendapatan rendah terkesan dengan situasi ini, bahkan mereka yang berada dalam kumpulan kelas menengah juga mula ‘jatuh ke bawah’ apabila kuasa membeli semakin kurang, ditambah dengan ketiadaan bantuan khas bagi golongan pertengahan ini. Akibatnya, jurang antara golongan kaya dengan miskin menjadi semakin melebar, sekali gus mencabar konsep keadilan sosial dalam masyarakat.

Risiko kecacauan dan jenayah yang menggugat keamanan negara

Lebih membimbangkan apabila tekanan ekonomi berpanjangan berupaya menggugat kepercayaan masyarakat terhadap institusi dan pemerintahan, sekali gus merisikokan kestabilan politik negara. Ketegangan sosial yang meningkat akibat rasa tidak puas hati turut meningkatkan risiko kecacauan dan jenayah yang menggugat keamanan negara.

Inilah antara kesan pengandaian kerosakan dilakukan golongan mufsidun yang menyebabkan keruntuhan tamadun manusia apabila bertindak mengikut nafsu dan sesuka hati. Malangnya, dalam konteks negara ini, sudah ada sebahagian masyarakat mula menunjukkan sifat-sifat untuk merosakkan keamanan dan kesejahteraan negara dan masyarakat.

Ini dapat dilihat apabila rasuah dan pecah amanah berleluasa, fitnah menjadi makanan harian, perlakuan maksiat secara terang-terangan dan menolak nasihat pihak agama yang berautoriti. Perbuatan ini hanya akan melemahkan Malaysia dan menjerumuskan negara ke dalam kegelapan dan kemusnahan.

Krisis tenaga ini seharusnya mengingatkan kita agar tidak mengangkat pemikiran materialistik dan sifat haloba sebagaimana ditonjolkan golongan mufsidun dalam usaha membina negara maju dan berkuasa.

Ini kerana kemajuan teknologi dan ekonomi tidak boleh dipisahkan daripada nilai kemanusiaan serta pertimbangan etika. Membayar harga kekayaan dengan nyawa manusia tidak menjadikan kita ‘berkuasa’, sebaliknya membentuk kita sebagai manusia yang ‘tidak lagi manusia’ yakni manusia yang kehilangan pertimbangan moral dan terhakis nilai kemanusiaannya.

Krisis yang berlaku ini juga seharusnya membuka mata bahawa kerosakan yang berpunca daripada tangan manusia akan terus membiak dan mencetuskan kemusnahan lebih besar terhadap makhluk dan alam sekitar.

Justeru, hendaklah kita menjauhkan diri daripada mempunyai sifat memusnahkan, merosakkan dan menghancurkan didorong ketamakan dan penting diri. Ini kerana mereka yang melampaui batas dan menzalimi sesama manusia tidak akan terlepas daripada menerima azab yang pedih seperti peringatan Allah SWT dalam Surah al-Shura (ayat 42).

Krisis ini turut menuntut satu renungan jujur mengenai arah manakah kemajuan sedang dikejar? Ini kerana sekiranya kemajuan itu dibina atas penderitaan orang lain, maka ia bukanlah satu kemajuan hakiki, tetapi kemunduran diselindungi dengan angka dan kuasa.

“Ini dapat dilihat apabila rasuah dan pecah amanah berleluasa, fitnah menjadi makanan harian, perlakuan maksiat secara terang-terangan dan menolak nasihat pihak agama yang berautoriti”



